

C +
55

SEJARAH KEBANGKITAN PERSATUAN-PERSATUAN ISLAM
DI SABAH DARI TAHUN 1945 - 1972

OLEH
AHMAD TAHIR B ALI OSMAN

LATIHAN ILMIAH

UNTUK MEMENUHI

SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN
KEPUJIAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1983

KANDUNGAN

Muka Surat

Para Kata i

Pendahuluan iii

Nama-Nama Singkatan v

Peta Negeri Sabah vi

Bab I 1

Bab II 24

Bab III 49

Kesimpulan 67

Bibliografi 73

Lampiran 78

PRA KATA

Syukur Alhamdulillah kehadrat Allah S.W.T, kerana dapat menyiapkan Latihan Ilmiah yang saya rasakan amat berguna pada penulis sendiri dan para peminat sejarah terutamanya mereka-mereka yang ingin mengetahui sejarah Islam Negeri Sabah. Walaupun usaha ini kecil tetapi cukup bererti kepada penulis kerana ianya percubaan pertama dalam penyelidika seperti ini. Sebagai usaha pertama sudah tentu mempunyai kelemahan yang tidak disengajakan. Begitu juga adalah menjadi harapan agar ada lagi menyelidik sejarah Islam yang membuat kajian secara terperinci dan khusus kepada aspek yang lebih kecil skopnya yang mungkin tertinggal oleh penulis.

Dalam menyiapkan latihan Ilmiah ini saya tidak lupa mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka-mereka yang telah memberikan sumbangan disebalik kejayaan menyiapkan projek ini. Mereka terdiri dari Encik Ariffin Omar yang bertindak sebagai penyelaras, dimana sudi memberi bimbingan dan komen-komen sepanjang latihan Ilmiah ini dibuat. Begitu juga kepada Haji Awang Sahari Ab Latif yang memberikan banyak kemudahan dan bahan rujukan. Kepada tokoh-tokoh yang

yang sudi ditemubual ta lupa diucapkan terima kasih.

Kepada Cik Salmiah Che Puteh yang memberikan dorongan
sepanjang projek ini berjalan, dan akhir sekali Kak Timah
Mansor yang menolong menaip latihan Ilmiah ini.

Sekian Wassallam.

Ahmad Tahir Ali Osman

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG.

6hb. Februari, 1983.

PENDAHULUAN

Sabah yang dahulunya dikenali sebagai North Borneo telah melalui tiga jenis penjajahan. Bermula dengan kemasukan Chartered Company, Jepun dan British Colony. Sejarah penjajahan ini agak menarik kerana ianya telah melibatkan kehidupan penduduk tempatan samada dari segi politik, sosial, ekonomi dan Ugama. Semangat kemerdekaan pada tahun-tahun 1950an dan 60an ujud adalah kerana adanya kebangkitan semangat mempertahankan kecucian Islam. Atas dasar inilah maka saya telah memberi tumpuan kajian ini kepada kebangkitan Persatuan-persatuan Islam di Sabah dari tahun 1945 – 1972. Tahun-tahun 1940 adalah tahap dimana penduduk tempatan dipengaruhi oleh idea-idea kebangsaan bercampur keislaman dari negeri jiran seperti Brunei Singapura terutamanya dari Semenanjung Malaysia.

Sebelum tahun 1940 penduduk tempatan masih kabor dengan semangat kebangsaan, erti kedaulatan dan erti mempertahankan bangsa dan Ugama. Dengan adanya pembukaan cawangan pertubuhan-pertubuhan dari Semenanjung Malaysia berserta dengan kemasukan pemimpin-pemimpinnya, akhirnya memberi kesedaran kepada penduduk tempatan untuk turut memperjuangkan kedaulatan bangsa dan Ugama mereka.

Kajian yang dibuat oleh penulis dihadkan kepada tahun 1972, walau bagaimanapun tidak dinafikan pada asiek tertentu penulis melanjutkannya hingga tahun 1976 terutamanya aktiviti USIA.

Pemilihan oleh penulis sehingga tahun 1972 adalah kerana pada masa tersebut merupakan kemuncak kepada kegiatan USIA sebagai pertubuhan yang telah menggabungkan persatuan-persatuan yang terdahulu. Namun begitu kegiatan USIA ini juga berterusan selepas tahun tersebut dalam keadaan yang perlahan berbanding dengan sebelumnya, sehinggalah sampai ke zaman kemerusutannya bermula pada tahun 1976.

Untuk memudahkan pembaca mengikuti sejarah perkembangan persatuan-persatuan ini, penulis sedaya upaya menyampaikannya secara kronoloji sesuai dengan disiplin sejarah dengan cara bab demi bab yang saling berkait dan bersambung. Bab 1 merupakan latar belakang kehidupan dan survival masyarakat Islam di Sabah yang agak terbiar dari segi pembelaan, taraf hidup, taraf pemahaman ugama dan sosio-ekonomi. Ciri-ciri ini menimbulkan bibit ketidak puasan hati dikalangan mereka yang akhirnya mencetuskan semangat mempertahankan kecucian Islam. Manifestasi dari keadaan inilah yang membawa kepada kebangkitan persatuan-persatuan yang disentuh oleh penulis dalam bab II. Walau bagaimanapun kehadiran persatuan yang banyak mengurangkan keberkesanan dari segi penjajah Islam dan timbul idea menyatukannya. Penulis menghuraikannya dalam bab III dengan penubuhan USIA. Akhir sekali penulis merumuskan dan menilai secara menyeluruh kebangkitan persatuan-persatuan disamping mengkaji kesan positif dan negatif USIA.

Dengan itu adalah menjadi harapan penulis agar kajian ini dapat difahami secara menyeluruh yang telah dibuat secara terperinci dan berhati-hati.

Sekian Wassallam.

Ahmad Tahir Ali Osman

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG.

6hb. Februari, 1983.